



SULIT

SURAT SETUJU TERIMA

SST 06946

SALINAN

Rujukan Kami : KP(BPPA)(S)700-3/0201A/27 Jld. 29 (2)
Tarikh : **26** Januari 2012

Pengarah Urusan
Creative Century Management Sdn Bhd
No. 21(Level1-3), Jalan Puteri 2/2
Bandar Puteri
47100 Puchong
SELANGOR DARUL EHSAN

Tuan,

**TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGKONFIGURASI,
MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN ICT KE BAHAGIAN/ JABATAN/
INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ZON : 10 (KELANTAN)
NO.KONTRAK : KPM/40/2011/06/0029**

Merujuk kepada tawaran tuan untuk tender yang tersebut di atas, Kerajaan Malaysia dengan ini memberitahu tuan dengan sukacitanya bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah bersetuju menerima tawaran tender tuan seperti di lampiran berkembar, tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

- 1.1 Anggaran nilai kontrak yang telah dipersetujui adalah sebanyak **RM25,151,664.65 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Lima Juta Seratus Lima Puluh Satu Ribu Enam Ratus Enam Puluh Empat Dan Sen Enam Puluh Lima Sahaja)** seperti di Lampiran A;
- 1.2 Nilai kontrak yang ditawarkan kepada petender yang berjaya adalah merupakan **anggaran nilai siling kontrak sahaja**. Kerajaan tidak menjamin bahawa kesemua nilai kontrak ini akan dipesan. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah berhak untuk memesan kesemua atau sebahagian daripada nilai kontrak ini berdasarkan kepada keperluan Kerajaan dari semasa ke semasa tertakluk kepada peruntukan yang diperolehi.



- 1.3 Pembekalan peralatan adalah mengikut spesifikasi asal yang telah dikemukakan dalam tawaran tender dan dipersetujui seperti di **Lampiran B**;
- 1.4 Terma dan syarat-syarat dalam dokumen tender dan lampiran-lampirannya;
- 1.5 Terma dan syarat-syarat dalam dokumen kontrak serta lampiran-lampirannya;
- 1.6 Syarat-syarat yang terkandung di dalam Surat Setuju Terima ini;
- 1.7 Tempoh kontrak selama **tiga (3) tahun** berkuat kuasa dari **01 Februari 2012 hingga 01 Februari 2015**;
- 1.8 Keperluan Kerajaan, semua surat penjelasan dan apa-apa komitmen yang dipersetujui pada mesyuarat dan terma rujukan yang disertakan;
- 1.9 Skop kerja yang perlu dilaksanakan adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen tender dan **Lampiran C**.
- 1.10 Pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengkonfigurasi, pengujian dan pentauliahan hendaklah disempurnakan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja** dari tarikh pesanan tempatan (*Local order*) dikeluarkan. Walau apa-apa pun, pihak Kerajaan sentiasa berhak untuk menentukan tempoh pelaksanaan kerja yang sebenar pada bila-bila masa;
- 1.11 Penyerahan peralatan hendaklah dibuat kepada Pengarah/ Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Pengarah/ Pengetua/Guru Besar/ Penolong Kanan/ Penyelia Petang/ Pegawai Teknologi Pendidikan PKG/ Pegawai Penerima yang dilantik pada waktu bekerja;
- 1.12 Penyempurnaan pembekalan hendaklah dibuktikan dengan menggunakan **Sijil Akuan Penerimaan (SAP)** seperti di **Lampiran D** dan **Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP)** seperti di **Lampiran E** yang siap ditandatangani oleh Pengarah/ Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Pengarah/ Pengetua/Guru Besar/ Penolong Kanan/ Penyelia Petang/ Pegawai Teknologi Pendidikan PKG/ Pegawai Penerima yang dilantik berdasarkan senarai agihan.
- 1.13 Tempat penghantaran hendaklah diedarkan seperti senarai agihan dalam **Lampiran F**. Walau apa-apa pun, pihak Kerajaan sentiasa berhak untuk menentukan senarai agihan yang sebenar pada bila-bila masa;



- 1.14 Jika Peralatan yang diperiksa didapati rosak atau rendah kualitinya Kerajaan berhak menolak Peralatan itu melalui **Nota Penolakan Sebelum Penerimaan** mengikut format seperti di **Lampiran G** dan Kontraktor hendaklah menggantikan Peralatan itu kepada yang lain dengan perbelanjaan dan kos yang ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor.
- 1.15 Sijil Akuan Penerimaan (SAP) dan Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP) tidak boleh ditandatangani sekiranya terdapat item-item yang diragui keesahannya, dan pihak Kerajaan berhak menolak kesemua peralatan yang dihantar tanpa menanggung apa-apa kerugian dan kos bagi peralatan tersebut;
- 1.16 Pengesahan Sijil Akuan Penerimaan (SAP) dan Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP) hanya akan ditandatangani oleh pegawai penerima sekiranya berpuas hati (tiada kecacatan fizikal, peralatan terpakai, berfungsi penuh) dengan semua peralatan yang dibekal tanpa syak dan ragu;
- 1.17 Penyerahan peralatan hendaklah dibuat kepada Tandatangan Pengetua/Guru Besar/Penolong Kanan/Penyelia Petang/Pengarah/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Pengarah/ Pegawai Teknologi Pendidikan PKG/Pegawai Penerima yang dilantik pada waktu bekerja;
- 1.18 Tempoh jaminan (*warranty*) bagi semua peralatan adalah selama **tiga (3) tahun** bermula dari tarikh Sijil Pengujian Dan Pentauliahan (SPP) ditandatangani dan disahkan;
- 1.19 Pembayaran akan dibuat berdasarkan pembekalan sebenar dengan syarat nilai tersebut tidak melebihi nilai kontrak dan segala dokumen yang diperlukan adalah lengkap dan disahkan;
- 1.20 Pembayaran hanya akan dibuat mengikut pesanan sebenar yang ditetapkan. Sekiranya agensi yang terlibat telah menerima dengan lengkap keseluruhan peralatan mengikut pesanan sebenar yang ditetapkan, maka kontraktor boleh memohon tuntutan bayaran tersebut. Terma pembayaran adalah seperti di **Lampiran H**.
- 1.21 **Kenaan Fi perkhidmatan sebanyak kosong perpuhuan lapan peratus (0.8%)** akan dikenakan bagi setiap pesanan kerajaan. Harga keseluruhan yang ditawarkan bagi setiap pesanan tertakluk pada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap Pesanan Kerajaan yang melebihi RM1.2 juta kerana bayaran akan diproses menggunakan sistem ePerolehan;



- 1.22 Kontrak ini akan **TERBATAL** dengan sendirinya sekiranya wujud sebarang unsur penipuan dan percanggahan antara produk yang dibekalkan dengan spesifikasi teknikal tender yang ditawarkan;
- 1.23 Hak-hak Kerajaan sekiranya berlaku kelewatan penyempurnaan pembekalan dan kelewatan tuntutan pembayaran oleh pihak syarikat seperti di **Lampiran I** dan **Lampiran J** (mengikut nilai peralatan) atau lain-lain kaedah pengiraan yang difikirkan sesuai;
- 1.24 Pihak syarikat dikehendaki mengemukakan **Surat Akuan Pembida Berjaya** dan **Surat Perwakilan Kuasa kepada** Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian ini bersama-sama SST ini dengan menggunakan format seperti di **Lampiran K** dan **Lampiran L**;
- 1.25 Pihak syarikat **diwajibkan** untuk menghadiri semua mesyuarat berkaitan dengan projek ini dari semasa ke semasa bagi tujuan pemantauan dan menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. Segala kos yang berkaitan ditanggung sendiri oleh pihak syarikat. Butiran mesyuarat akan diberitahu kelak oleh pihak Kerajaan.

2. Dengan penerimaan tawaran tuan oleh Kerajaan, tuan adalah dinasihatkan bahawa satu ikatan kontrak terwujud antara Kerajaan dengan tuan. Suatu kontrak rasmi akan disempurnakan kemudiannya dengan memasukkan semua terma tawaran sebagaimana yang diubahsuaikan. Tuan akan diberitahu oleh Kerajaan apabila Dokumen Kontrak siap sedia untuk ditandatangani oleh pihak tuan. Surat Setuju Terima ini merupakan sebahagian daripada syarat-syarat kontrak dan perlu dibaca bersama. Bagaimanapun, sehinggalah Perjanjian Kontrak yang formal itu dilaksanakan, Surat Setuju Terima ini akan menjadi kontrak yang sah mengikat di antara tuan dan Kerajaan.

3. Tuan adalah diingatkan bahawa mengikut syarat-syarat tawaran, tuan adalah dikehendaki menyempurnakan perkara berikut :

- 3.1 Mengemukakan dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini suatu Bon Perlaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank yang tidak boleh batal dari sebuah bank yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia dengan jumlah sebanyak **RM419,194.41 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Sembilan Belas Ribu Seratus Sembilan Puluh Empat Dan Sen Empat Puluh Satu Sahaja)** yang merupakan **lima peratus (5%)** dari nilai tahunan kontrak yang tempoh sahlaknya hendaklah berkuat kuasa selama dua belas (12) bulan daripada tarikh tamat kontrak. Format jaminan bank adalah disertakan seperti di **Lampiran M** dan di hantar terus kepada **Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset**, Kementerian ini. Tempoh Jaminan Bank hendaklah berkuat kuasa bermula dari **Februari 2012 sehingga Februari 2016 (4 tahun);**



- 3.2 Pihak syarikat dikehendaki mengemukakan semula kepada **Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset**, Kementerian ini bagi perakuan ketulenan Bon Pelaksanaan dari pihak institusi kewangan dengan menggunakan format seperti di **Lampiran N**;
- 3.3 Apa-apa kegagalan di dalam mematuhi kehendak-kehendak perenggan ini dalam tempoh masa yang dinyatakan, kecuali penangguhan masa diluluskan oleh Kerajaan, akan menyebabkan penerimaan ini terbatal dan selepas itu Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada tuan.
4. **Tiada** bekalan atau perkhidmatan di bawah kontrak ini boleh dimulakan kecuali dan sehingga tuan telah mematuhi peruntukan para 3 di atas.
5. Tuan adalah diingatkan supaya membuat pembekalan di dalam tempoh yang ditetapkan dan mematuhi spesifikasi seperti di dalam tawaran tender. Sekiranya tuan gagal berbuat demikian, syarikat tuan boleh dikenakan tindakan oleh Kerajaan.
6. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat dalam Surat Setuju Terima ini dengan Perjanjian yang akan ditandatangani kelak, terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian tersebut hendaklah mengatasi setakat mana percanggahan itu.
7. Nombor kontrak yang dikhaskan untuk kontrak syarikat tuan adalah **KPM/40/2011/06/0029**. **Sila catatkan nombor kontrak tersebut apabila berhubung dengan Kementerian ini.**
8. Surat ini dihantar dalam **empat (4) salinan**. Salinan asal adalah untuk simpanan tuan manakala tiga (3) salinan lagi hendaklah dikembalikan setelah ditandatangani dan disaksikan dengan sempurnanya kepada Kementerian ini **dalam tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh surat ini diterima.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Salam hormat,

(DATO' Dr. ROSLI BIN MOHAMED)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k



1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 3 & 4 , Blok E11, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA


2. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Kelantan
Jalan Doktor
15000 Kota Bharu
KELANTAN

3. Ketua Audit Negara
Pejabat Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
No 15, Aras 4
Persiaran Perdana Presint 2
62518 PUTRAJAYA

4. Pengarah
Lembaga Hasil Dalam Negeri
Cawangan Penaksiran
Tingkat 9-13 Plaza Perangsang
Persiaran Perbandaran
40000 SHAH ALAM
Selangor

Persetujuan Penerimaan Tawaran Oleh Syarikat

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas, salinannya yang mana telah pun disimpan dan mengesahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam jadual Dokumen-dokumen Tender telah dikenakan dengan keluaran surat tersebut/kandungan para 1 di atas adalah merupakan keseluruhan tawaran yang bertandatangan di bawah ini.



.....
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Kontraktor: SWZ TEIK CHUAN


Alamat :

..... Creative Century Management Sdn Bhd
(612760-V)
..... No. 21 (Level 1-3) Floor, Jalan Puteri 2/2,
Bandar Puteri, 47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
..... Tel: 03-8061 4481 Fax: 03-8060 4481

Tarikh : 02 Februari 2012



Meteri atau Cop Kontraktor



.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Saksi: THIAN OON SEONK

Alamat:

..... Creative Century Management Sdn Bhd
(612760-V)
..... No. 21 (Level 1-3) Floor, Jalan Puteri 2/2,
Bandar Puteri, 47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
..... Tel: 03-8061 4481 Fax: 03-8060 4481

Tarikh: 02 Februari 2012



Meteri atau Cop Kontraktor